



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



PERSEPSI MASYARAKAT MUSLIM TERHADAP KEPERLUAN
APLIKASI ANDROID BAGI MEMPELAJARI MAKNA
PERKATAAN DALAM SURAH AL-FATIHAH

MUSLIM'S PERCEPTION TOWARDS THE NEED OF ANDROID APPLICATION
IN LEARNING THE MEANING OF WORDS IN THE VERSE OF FATIHAH

Abdulrahman Alosman¹, Mohd Ikhwan Abdullah^{2*}, Nurjannah Hasmad³

¹ Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, AHAS KIRKHS, UIAM

Email: abdulrahman@iium.edu.my

² Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, AHAS KIRKHS, UIAM

Email: mohdikhwan@iium.edu.my

³ Kulliyah of Education, IUM

Email: nurjannahasmad@iium.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2023

Revised date: 16.11.2023

Accepted date: 20.12.2023

Published date: 26.12.2023

To cite this document:

Alosman, A., Abdullah, M. I., & Hasmad, N. (2023). Persepsi Masyarakat Muslim Terhadap Keperluan Aplikasi *Android* Bagi Mempelajari Makna Perkataan Dalam Surah Al-Fatihah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (52), 469-491.

DOI: 10.35631/IJEPC.852037

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Perkembangan pesat dalam teknologi telah membawa kaedah pengajaran yang konvensional kepada tahap baru yang lebih dikenali sebagai *e-learning*. Dalam *e-learning*, pembelajaran tidak semestinya dijalankan di dalam bilik darjah, namun, ianya boleh diadakan melalui pembelajaran mudah alih (*mobile learning* "*m-learning*") yang merentasi sempadan masa dan waktu. Pembelajaran al-Quran tidak terkecuali daripada evolusi pantas ini yang menyaksikan kemunculan pelbagai aplikasi pembelajaran mudah alih berkaitan al-Quran. Melihatkan trend yang semakin meningkat ini, kajian ini bertujuan mengenal pasti persepsi masyarakat Muslim terhadap keperluan aplikasi *android* pendidikan untuk mempelajari makna perkataan dalam Surah Al-Fatihah. Kaedah deskriptif diguna pakai di mana borang soal selidik diedarkan melalui platform media sosial iaitu *WhatsApp*. Sebanyak 233 maklum balas telah direkodkan daripada masyarakat muslim pelbagai latar belakang dan 11 bangsa yang berbeza. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap pembangunan aplikasi *android* pembelajaran makna perkataan dalam Surah Al-Fatihah. Mereka juga cenderung untuk mendapatkan sebuah aplikasi yang mempunyai pelbagai fungsi dan kaedah penyampaian yang dapat membantu pembelajaran mereka. Hasil kajian ini seterusnya boleh digunakan sebagai asas untuk merekabentuk aplikasi *android* pembelajaran makna perkataan dalam Surah Al-Fatihah.

Kata Kunci:

Al-Quran, Aplikasi Android, Keperluan, Pembelajaran mudah alih, Surah Al-Fatihah

Abstract:

The rapid development in technology has brought conventional teaching methods to a new level which is better known as e-learning. In e-learning, learning is not necessarily carried out in the classroom, however, it can be held through mobile learning (mobile learning "m-learning") that crosses the boundaries of time and time. Learning the Qur'an is no exception to this rapid evolution which has seen the emergence of various mobile learning applications related to the Qur'an. Seeing this growing trend, this study aims to identify the perception of the Muslim community on the need for educational android applications to learn the meaning of words in Surah Al-Fatihah. A descriptive method was used where the questionnaire was distributed through the social media platform that is WhatsApp. A total of 233 responses were recorded from the Muslim community of various backgrounds and 11 different races. The results of the study show that respondents have a high level of acceptance towards the development of an android application for learning the meaning of words in Surah Al-Fatihah. They also tend to get an application that has various functions and delivery methods that can help their learning. The results of this study can then be used as a basis for designing an android application for learning the meaning of words in Surah Al-Fatihah.

Keywords:

Al-Quran, Android Application, Need, Mobile Learning, Surah Al-Fatihah

Pengenalan

Sebagai surah yang wajib dibaca oleh orang Islam dalam solat mereka terdapat keperluan memahami surah Al-Fatihah secara mendalam (Jasmi, 2018; Fakhruroji, 2018). Antara medium memahami surah ini adalah melalui aplikasi. Namun, malangnya aplikasi sebegini kurang (Nawi, 2019). Jika ada sekalipun, pembangunannya tidak mengambil kira persepsi pengguna, tetapi atas dasar pandangan peribadi oleh syarikat yang bukan bersifat akademik (Nawi, 2019). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi masyarakat Muslim terhadap keperluan aplikasi *android* pendidikan untuk mempelajari makna perkataan dalam Surah Al-Fatihah Dengan maklumat tanpa sempadan yang boleh didapati di internet, individu tanpa mengira usia kini boleh belajar dan meningkatkan kemahiran diri dalam bidang yang mereka minati. Dengan inovasi bentuk dan gaya pembelajaran baharu seperti media sosial, peranti digital dan aplikasi, pembelajaran tidak lagi terbatas kepada institusi pendidikan konvensional. Adalah hampir mustahil untuk memikirkan bidang pendidikan hari ini tanpa memikirkan juga pelbagai jenis teknologi yang digunakan untuk menyokong bidang pendidikan itu sendiri (Spector, 2012). Seiring dengan peningkatan penggunaan yang ketara, peranti mudah alih telah menjadi alat pembelajaran yang popular dengan potensi yang sangat baik untuk kegunaan di luar dan di dalam bilik darjah (Danado & Paternò, 2014; Sung, Chang & Liu, 2016). Dengan bantuan peralatan mudah alih pintar ini, pelajar boleh memulakan pengalaman pembelajaran sendiri di rumah atau di luar negara (Sharples & Spikol, 2017). Ini telah mendorong pertumbuhan pembelajaran mudah alih dalam pelbagai bidang pengajian,

membantu pengguna dari pelbagai tahap umur dan pendidikan. Cara pembelajaran baharu ini juga telah digunakan dengan baik oleh umat Islam kerana terdapat peningkatan dalam bilangan peranti mudah alih dan aplikasi yang dibangunkan untuk pembelajaran al-Quran. Hasilnya, al-Quran digital dianggap sebagai aplikasi yang paling biasa dimuat turun dalam kalangan umat Islam (Eizan Sharif, 2019). Sehubungan dengan peningkatan populariti al-Quran digital, banyak kajian telah dijalankan terhadap penggunaan al-Quran digital, khususnya dalam bacaan dan hafazannya (Noor Jamaliah et al., 2013; Almosallam et al., 2015; Norazmi et al., 2017;). Walau bagaimanapun, sangat sedikit yang memberi tumpuan kepada pemahaman pengguna terhadap surah (Eizan Sharif, 2019). Memandangkan surah yang paling kerap dibaca oleh umat Islam ialah Surah Al-Fatihah kerana ia merupakan surah yang wajib dibaca Ketika menunaikan solat, maka kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi pengguna Islam terhadap penggunaan aplikasi al-Quran dalam memahami maksud perkataan dalam surah Al-Fatihah.

Kajian Literatur

Pembelajaran Mudah Alih

Terdapat banyak definisi yang diberikan kepada istilah pembelajaran mudah alih. Namun, definisi umum bagi istilah ini adalah “mempunyai capaian kepada konteks dan persekitaran pendidikan tanpa had masa dan tempat” (Serin, 2012). Antara faktor yang menjadikan pembelajaran mudah alih suatu keperluan penting bagi pelajar dan pengajar adalah penggunaannya yang bersifat global dan teknologi dan infrastruktur yang canggih tetapi murah (Sahrir & Alias, 2011). Ia juga menyumbang kepada tahap celik IT yang tinggi, pemilikan dan penggunaan telefon pintar yang luas serta dilengkapi dengan teknologi tanpa wayar seperti 3G atau 4G (Yahaya et al., 2019). Pembelajaran mudah alih pada tahun-tahun lepas telah terbukti berjaya dalam banyak konteks yang berbeza dan dengan pelbagai pengguna berkemungkinan kerana keberkesannya dalam pendidikan tanpa mengira masa dan tempat (Kalloo & Mohan, 2012; Cacmak & Tanriverdi, 2013). Oleh itu, penyelidik dapat merumuskan bahawa pembelajaran mudah alih mempunyai pengaruh yang luar biasa terhadap pendidikan (Alden, 2013). Ini telah disokong oleh banyak kajian, termasuk kajian Al-Khezzi dan Al-Dousari (2016) yang mendapati pembelajaran mudah alih berkesan meningkatkan pemahaman pelajar tentang kosa kata dan tatabahasa. Sementara itu, kajian Kocakoyun dan Bicen (2017) melibatkan pembangunan dan pengujian aplikasi mudah alih pendidikan untuk mahasiswa merumuskan bahawa aplikasi mudah alih berpotensi untuk menyokong pendidikan, meningkatkan motivasi dan meningkatkan pencapaian akademik. Selain daripada kajian kuantitatif ini, Yahaya et al., (2019), dalam kajian kualitatif yang meneroka perkembangan teknologi multimedia dalam bidang pembelajaran bahasa Arab, merumuskan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih bahasa Arab dapat memberi manfaat kepada pelajar bahasa Arab.

Aplikasi Mudah Alih Berkaitan al-Quran

Aplikasi mudah alih bukan sahaja menarik minat pelajar institusi pendidikan formal, malah, ia turut mendapat perhatian pengguna awam yang berminat untuk mempelajari dan meningkatkan pelbagai kemahiran khususnya dalam mempelajari al-Quran. Khan dan Alginahi (2013) dalam kajian mereka yang melibatkan hampir 700 peserta dari pelbagai negara di dunia melaporkan beberapa penemuan penting tentang al-Quran dan peranti mudah alih. Kajian mereka mendapati hampir separuh daripada responden lebih cenderung membaca al-Quran melalui peranti mudah alih, manakala majoriti lebih cenderung membacanya pada peranti digital. Keutamaan untuk membaca al-Quran menggunakan peranti mudah alih adalah disebabkan oleh jadual bacaan yang tidak dirancang dan kesukaran membawa al-Quran bercetak. Isu ini dapat

dielakkan dengan menggunakan peranti mudah alih yang kebiasannya berada dalam poket pengguna. Peluang ini direbut dengan baik oleh pembangun aplikasi di mana lebih daripada 500 aplikasi Al-Quran menggunakan platform *android* di pasaran dari 2013 hingga 2016. (Zahari et al., 2017).

Fenomena ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana aplikasi mudah alih berkaitan al-Quran telah menjadi popular di kalangan pengguna Muslim disebabkan kandungannya yang memenuhi keperluan umat Islam sebagai rujukan yang mudah dan cepat (Zahari et al., 2017). Kajian Elmarhomy (2020) yang bertujuan membangunkan aplikasi *android* untuk membantu pengguna memahami pelbagai ayat dan perkataan Al-Quran dengan mudah mendapati bahawa para ibu bapa dan anak-anak bersetuju bahawa aplikasi itu memudahkan mereka memahami perkataan yang berbeza dan sukar dalam al-Quran dan meningkatkan hafalan al-Quran kanak-kanak. Sementara itu, kajian Sharif (2019) mendapati al-Quran digital membantu warga emas mempelajari huruf-huruf al-Quran dan peraturan tajwid yang ringkas. Walaupun tidak cukup ilmu dan pengalaman serta kurang keyakinan untuk mengaji al-Quran di hadapan ustaz atau ustazah, mereka tetap meneruskan bacaan menggunakan al-Quran digital.

Kesan Penggunaan Aplikasi dan Media Sosial Terhadap Pengajian Islam

Pembelajaran berasaskan teknologi & digital pada masa kini dilihat mampu meningkatkan minat belajar diantara mereka. Pengajian Islam tidak terkecuali dalam hal ini. Masrom, Abdul Manaf, Samsul Rafzi, Syed Hassan (2023) merumuskan bahawa video-video Youtube membantu pelajar Fakulti Quran dan Sunnah dari segi pencarian idea dan bahan supaya pelajar tidak berasa bosan, selain meningkatkan pengetahuan pelajar, khususnya dalam pencarian sumber berkaitan pengajian Quran dan sunnah. Kajian Naushad, Anuar, Yussof, Syed Hassan (2023) menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi Quran dan Hadis sebagai bahan pembelajaran memberikan impak positif yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar dengan memudahkan pelajar untuk mengakses sumber rujukan tersebut dengan efisien. Selain membantu dari sudut pencarian bahan, aplikasi juga dilihat mampu membantu seseorang muslim memperbaiki ibadah solatnya (Shafie, 2018).

**Jadual 1:
Dapatan Kajian-Kajian Lepas**

Pembelajaran Mudah Alih

Kajian	Dapatan
(Sahrir & Alias, 2011)	Penggunaan global dan kecanggihan dan faktor kos menjadikan pembelajaran mudah alih suatu keperluan penting bagi pelajar dan pengajar
(Yahaya et al., 2019)	Pembelajaran mudah alih menyumbang kepada tahap celik IT yang tinggi, pemilikan dan penggunaan telefon pintar yang luas serta dilengkapi dengan teknologi.
(Kalloo & Mohan, 2012; Cacmak & Tanriverdi, 2013)	Pembelajaran mudah alih telah terbukti berjaya dalam banyak konteks yang berbeza.
(Alden, 2013)	Pembelajaran mudah alih mempunyai pengaruh yang luar biasa terhadap pendidikan.
(Al-Khezzi dan Al-Dousari, 2016)	Pembelajaran mudah alih berkesan meningkatkan pemahaman pelajar tentang kosa kata dan tatabahasa.

(Kocakoyun dan Bicen, 2017)	Aplikasi mudah alih berpotensi untuk menyokong pendidikan, meningkatkan motivasi dan meningkatkan pencapaian akademik.
(Yahaya et al., 2019)	Penggunaan aplikasi mudah alih bahasa Arab dapat memberi manfaat kepada pelajar bahasa Arab.

Aplikasi Mudah Alih Berkaitan al-Quran

Kajian	Dapatan
(Khan dan Alginahi, 2013)	Majoriti responden lebih cenderung membaca al-Quran melalui peranti digital.
(Zahari et al., 2017)	Lebih daripada 500 aplikasi Al-Quran menggunakan platform <i>android</i> di pasaran dari 2013 hingga 2016. Kandungan aplikasi memenuhi keperluan umat Islam sebagai rujukan yang mudah dan cepat.
(Elmarhomy, 2020)	Mendapati bahawa para ibu bapa dan anak-anak bersetuju bahawa aplikasi itu memudahkan mereka memahami perkataan yang berbeza dan sukar dalam al-Quran dan meningkatkan hafalan al-Quran kanak-kanak.
(Sharif, 2019)	mendapati al-Quran digital membantu warga emas mempelajari huruf-huruf al-Quran dan peraturan tajwid yang ringkas.

Kesan Penggunaan Aplikasi dan Media Sosial Terhadap Pengajian Islam

(Masrom, Abdul Manaf, Samsul Rafzi, Syed Hassan, 2023)	Video-video Youtube membantu pelajar Fakulti Quran dan Sunnah dari segi pencarian sumber berkaitan pengajian Quran dan sunnah.
(Naushad, Anuar, Yussof, Syed Hassan, 2023)	Aplikasi Quran dan Hadis memberikan impak positif yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar dengan memudahkan pelajar untuk mengakses sumber rujukan tersebut dengan efisien.
(Shafie, 2018).	Aplikasi membantu seseorang muslim memperbaiki ibadah solatnya

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk (i) mengenal pasti persepsi masyarakat Islam terhadap keperluan aplikasi *android* untuk mempelajari makna perkataan dalam Surah Al-Fatihah; (ii) mengemukakan konsep awal aplikasi *android* untuk mempelajari makna perkataan dalam Surah Al-Fatihah; dan (iii) mengenal pasti keperluan pengguna apabila menggunakan aplikasi berdasarkan persepsi mereka.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah deskriptif-analisis untuk mendapatkan respons kuantitatif daripada peserta. Menurut Loeb et al. (2017), analisis deskriptif kuantitatif memberikan penerangan tentang dunia atau fenomena dengan mengenal pasti pola dalam data

untuk menjawab soalan tentang siapa, apa, di mana, bila, dan sejauh mana. Oleh itu, kaedah analisis deskriptif kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklum balas masyarakat Islam tentang persepsi mereka terhadap keperluan aplikasi android untuk mempelajari makna perkataan dalam Surah Al-Fatihah.

Populasi dan Sampel

Peserta kajian ini terdiri daripada masyarakat Islam dari pelbagai warganegara, kumpulan umur, jantina dan tahap pendidikan. Peserta dalam kajian ini dipilih melalui kaedah persampelan mudah bukan kebarangkalian. Persampelan mudah adalah sejenis persampelan bukan kebarangkalian di mana ahli populasi sasaran yang memenuhi kriteria praktikal tertentu seperti mudah dicapai, kedekatan geografi, ketersediaan pada masa tertentu atau kesediaan untuk mengambil bahagian dalam kajian (Sedgwick, 2013). Menurut Etikan et al., (2016), persampelan bukan kebarangkalian berguna apabila kaedah rawak adalah mustahil disebabkan populasi yang sangat besar atau apabila penyelidik mempunyai sumber, masa dan tenaga kerja yang terhad.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh para pengkaji sebagai instrumen yang telah divalidasi oleh pakar. Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A mengandungi soalan demografi seperti soalan tentang jantina, kumpulan umur, kewarganegaraan dan tahap pendidikan. Bahagian B mengandungi 32 soalan yang dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama mengandungi 12 soalan yang memfokuskan kepada kaedah penyampaian dalam aplikasi pembelajaran. Bagi bahagian kedua, 11 soalan tentang kandungan pembelajaran aplikasi telah ditanya. Bahagian ketiga bertanya tentang strategi pembelajaran yang terdiri daripada 9 soalan manakala bahagian keempat mengandungi soalan terbuka tentang tahap penerimaan, cadangan, dan komen.

Soal selidik telah direka bentuk mengikut skala Likert 5 mata yang merupakan jenis skala tindak balas psikometrik di mana responden menyatakan tahap persetujuan mereka kepada pernyataan yang dikemukakan melalui lima mata: Sangat Tidak Setuju (STS); Tidak Setuju (TS); Tidak bersetuju mahupun tidak bersetuju (N); Setuju (S); dan Sangat Setuju (SS) (Preedy & Watson, 2015). Skala Likert bernombor ganjil mempunyai kelebihan dalam menyediakan pilihan untuk ketidakpastian atau berkecuali, manakala skala Likert lima mata pula terbukti mempunyai kelebihan iaitu mudah digunakan (Preston & Colman, 2000), kurang mengelirukan dan boleh meningkatkan kadar tindak balas (Bouranta et al., 2009).

Kesahan Instrumen

Selepas merangka borang soal selidik, para pengkaji membentangkannya kepada jawatankuasa yang terdiri daripada tujuh orang pakar dalam bidang kurikulum dan kaedah pengajaran daripada pelbagai universiti di Malaysia. Pakar-pakar ini kemudiannya mengulas soal selidik tentang apa yang perlu diperbaiki atau diubah dan penyelidik melaksanakannya dengan sewajarnya.

Kebolehpercayaan Instrumen

Para pengkaji mengesahkan kebolehpercayaan bahagian pertama hingga bahagian ketiga daripada bahagian kedua soal selidik dengan mengujinya ke atas sampel individu yang terdiri daripada 30 orang responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan anggota masyarakat Islam. Para pengkaji mengambil maklum semua komen yang dikemukakan dalam soal selidik,

memastikan kejelasan soalan dan masa yang diperlukan untuk menjawab soalan. Penyelarasan yang diperlukan telah dibuat sebelum soal selidik dimuktamadkan.

Untuk mengukur darjah variasi antara jawapan responden dan tahap kebolehpercayaan, para pengkaji menggunakan analisis statistik Pekali Alpha Cronbach. Hasilnya adalah seperti berikut:

Jadual 2
Kebolehpercayaan Instrumen

Dimensi	Nilai	Bilangan Item	Darjah Kebolehpercayaan
Proses Pembelajaran (Bahagian Pertama)	0.846	12 item	Baik
Kandungan Pembelajaran (Bahagian Kedua)	0.728	11 item	Baik
Strategi Pembelajaran (Bahagian Ketiga)	0.832	9 item	Baik

Pengumpulan Data dan Analisis Data

Borang soal selidik telah diedarkan melalui aplikasi WhatsApp dalam bentuk Borang *Google (Google Form)* kepada masyarakat Islam yang merupakan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dari latar belakang dan bangsa yang berbeza pada sekitar. Selepas sebulan mengedarkan soal selidik, 233 jawapan telah dikumpul dan dianalisis dengan sewajarnya. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu peratusan setiap jawapan, min dan sisihan piawai.

Dapatan Kajian

Latar Belakang Demografi

Bahagian pertama soal selidik meneliti taburan responden berdasarkan jantina, kumpulan umur, kewarganegaraan, tahap pendidikan tertinggi dan sistem telefon bimbit mereka. Jadual 2 menunjukkan majoriti responden adalah perempuan, iaitu lebih separuh (69.1%) daripada jumlah keseluruhan responden. Kebanyakan responden (73%) berumur 12-21 tahun, manakala pecahan terkecil respon dengan 1.3% berumur di atas 61 tahun.

Dari segi kewarganegaraan, sebahagian besar responden adalah rakyat Malaysia (94.85%), manakala selebihnya dibahagikan kepada sepuluh kewarganegaraan: Australia, Indonesia, Jordan, Nigeria, Bangladesh, India, Sudan, Kuwait, Libya dan Thailand. Setiap warganegara ini menyumbang 0.43% kepada jumlah peratusan responden, kecuali Australia yang menyumbang 1.29%.

Kesemua responden menerima pendidikan sama ada sehingga sekolah menengah, ijazah sarjana muda atau ijazah lanjutan. Lebih separuh daripada responden menerima tahap pendidikan tertinggi sehingga ijazah sarjana muda (53.6%), manakala peratusan responden memegang ijazah pascasiswazah adalah paling sedikit (19.3%).

Jadual 3
Latar Belakang Demografi

Pembolehubah	Kategori	N	%	Jumlah
Jantina	Lelaki	72	161	n=233
	Perempuan	30.9	69.1	100%
Kumpulan Umur (Tahun)	12-21	170	73	n=233
	22-30	7	3	100%
	31-40	25	10.7	
	41-60	28	12	
	60 ke atas	3	1.3	
Kewarganegaraan	Asia Tenggara	221	93.85	n=233
	Australia	3	1.29	100%
	Timur Tengah	4	2.58	
	Benua India	5	2.87	
Tahap Pendidikan	Sekolah Menengah	63	27	n=233
	Ijazah Sarjana Muda	125	53.6	100%
	Pascasiswazah	45	19.3	

Persepsi terhadap Proses Pembelajaran Aplikasi Android

Terdapat 12 item di bawah bahagian yang menilai persepsi responden terhadap kaedah penyampaian aplikasi pembelajaran. Jadual 3 membentangkan item dengan ringkasan jawapan responden:

Jadual 4
Proses Pembelajaran Aplikasi Android

	Item	Kategori Jawapan					Purata	STD
		STS	TS	N	S	SS		
1	Pendaftaran adalah diperlukan untuk mengakses aplikasi.	55 8.6%	20 23.6%	76 32.6%	66 28.3%	16 6.9%	3.015	1.068
2	Saya lebih gemar aplikasi menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium.	1 0.4%	7 3%	79 33.9%	110 47.2%	36 15.5%	3.747	0.767
3	Jumlah masa yang ditetapkan untuk mempelajari perkataan dalam Surah Al-Fatihah	3 1.3%	15 6.4%	94 40.3%	99 42.5%	22 9.4%	3.528	0.804

	akan 14 minit (2 minit unuk setiap ayat).							
4	Saya lebih suka aplikasi hanya boleh digunakan semasa disambungkan ke rangkaian internet.	46 19.7%	107 45.9%	52 22.3%	24 10.3%	4 1.7%	2.287	0.954
5	Saya lebih gemar kandungan aplikasi dipersembahkan melalui teks berbanding persembahan visual	10 4.3%	61 26.2%	111 47.6%	40 17.2%	11 4.7%	2.916	0.889
6	Saya lebih gemar kandungan aplikasi dipersembahkan melalui visual berbanding persembahan teks	5 2.1%	18 7.7%	96 41.2%	87 37.3%	27 11.6%	3.488	0.876
7	Saya lebih gemar makna perkataan boleh diakses melalui setiap ayat yang dipisahkan	0 0.0%	2 0.9%	31 13.3%	135 57.9%	65 27.9%	4.133	0.656
8	Saya ingin huruf asal boleh dilihat sewaktu mempelajari makna perkataan	1 0.4	1 0.4%	26 11.2%	141 60.5%	64 27.5%	4.143	0.651
9	Saya hanya ingin mengetahui satu makna asal bagi setiap perkataan	7 3% , ,	60 25.8%	67 28.8%	67 28.8%	32 13.7%	3.246	1.076
10	Saya ingin mengetahui makna tambahan bagi perkataan asal	1 0.4%	10 4.3%	48 20.6%	116 49.8%	58 24.9%	3.945	0.815
11	Saya ingin mengetahui makna yang bertentangan dengan makna perkataan asal	1 0.4%	3 1.3%	20 8.6%	131 56.2%	78 33.5%	4.214	0.684
12	Saya ingin mempunyai pilihan untuk menulis memo dalam aplikasi,	2 0.9%	1 0.4%	37 15.9%	122 52.4%	71 30.5%	4.117	0.714

Item nombor 1 meneliti pandangan responden sama ada aplikasi itu memerlukan pendaftaran sebelum diakses. Responden berbeza pendapat dalam perkara ini dengan peratusan responden yang hampir sama rata antara responden yang setuju (35.2%), neutral (32.6%), dan tidak setuju (32.2%).

Berkenaan dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa aplikasi, majoriti responden (72.6%) bersetuju, diikuti oleh 33.9% responden yang berpandangan neutral terhadap kenyataan

tersebut. Peratusan responden yang tidak setuju atau sangat tidak setuju adalah sangat sedikit (3.4%).

Trend yang sama diperhatikan untuk item nombor 3 yang menilai pandangan responden tentang jumlah masa yang ditetapkan untuk mempelajari perkataan Surah Al-Fatihah iaitu selama 14 minit atau 2 minit untuk setiap ayat. Majoriti responden (51.9%) memilih sama ada setuju atau sangat setuju dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan peratusan yang adil (40.3%) responden yang berpandangan neutral terhadap pernyataan tersebut. Peratusan responden yang tidak setuju atau sangat tidak setuju adalah sangat sedikit (7.7%).

Berkenaan kebimbangan mengenai ketersediaan aplikasi semasa disambungkan ke rangkaian sahaja seperti yang dinyatakan dalam item nombor 4, majoriti responden (65.6%) memilih sama ada tidak setuju atau sangat tidak setuju sebagai jawapan mereka. Sementara itu, mereka yang memilih sama ada sangat setuju atau setuju membentuk peratusan paling sedikit (12.0%) dan mereka yang berkecuali membentuk peratusan (22.3%). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa responden lebih suka aplikasi itu tetap boleh digunakan semasa tidak disambungkan ke rangkaian internet.

Item nombor 5 dan 6 meneliti kecenderungan responden terhadap kandungan dan persembahannya, sama ada melalui teks atau visual. Kedua-dua item tersebut menunjukkan perbezaan majoriti jawapan yang dipilih oleh responden, dengan majoriti responden yang berpandangan neutral (47.6%) untuk pembentangan kandungan adalah melalui teks, berbanding dengan mereka yang menjawab sangat tidak setuju atau tidak setuju (30.6%), dan setuju atau sangat setuju (21.9%). Sementara itu, hampir separuh daripada responden (48.9%) memilih kandungan melalui visual, iaitu lebih tinggi sedikit daripada responden (41.2%) yang kekal berkecuali dalam pandangan mereka, manakala responden yang tidak bersetuju hanya membentuk peratusan sebanyak 9.8% daripada keseluruhan responden. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa majoriti responden menyatakan kecenderungan mereka terhadap persembahan visual bagi kandungan pembelajaran aplikasi manakala majoriti berpandangan neutral untuk persembahan teks untuk kandungan pembelajaran.

Dari segi kebolehcapaian makna perkataan dan kebolehlihatan, majoriti responden memilih kebolehcapaian makna (85.8%) mengikut setiap ayat yang dipisahkan, manakala 88% daripada keseluruhan responden lebih suka huruf asal boleh dilihat semasa mempelajari makna perkataan. Sebaliknya, responden yang tidak bersetuju adalah sangat sedikit iaitu masing-masing 0.9% dan 0.8%.

Item nombor 9 berkenaan kecenderungan responden untuk mengetahui hanya satu makna asal bagi setiap perkataan direkodkan dengan peratusan responden yang setuju dan sangat setuju yang lebih tinggi (42.5%) berbanding peratusan yang sama iaitu 28.8% yang dicatatkan masing-masing bagi responden yang neutral dan tidak setuju (tidak setuju dan sangat tidak bersetuju). Ini menunjukkan kecenderungan responden untuk mengetahui hanya satu makna asal bagi setiap perkataan.

Bagi item nombor 10 tentang mengetahui makna tambahan bagi perkataan asal pula, peratusan jawapan positif (setuju dan sangat setuju) yang sangat tinggi (89.7%) diperhatikan dalam kalangan responden. Ini jelas melebihi peratusan tidak setuju dan sangat tidak setuju (1.7%) dan jawapan neutral (8.6%). Ini sekaligus menunjukkan kebanyakan responden berminat untuk mengetahui makna tambahan bagi perkataan asal.

Mengenai item nombor 11 tentang mengetahui maksud berlawanan bagi perkataan asal, sebahagian besar responden (74.7%) setuju dan sangat setuju dengan pernyataan tersebut, manakala sebahagian kecil tidak setuju dan sangat tidak setuju (4.7%). Di samping itu, mereka yang berpegang dengan pandangan neutral adalah sebanyak 20.6%. Ini menunjukkan keinginan responden untuk mengetahui makna yang bertentangan dengan perkataan asal.

Item terakhir yang menilai kecenderungan responden untuk mempunyai pilihan untuk menulis memo dalam aplikasi mencatatkan peratusan tinggi jawapan positif (setuju dan sangat setuju) (82.9%) berbanding mereka yang tidak setuju dan sangat tidak setuju (1.3%).

Persepsi terhadap Kandungan Pembelajaran dalam Aplikasi Android

Bahagian yang menilai persepsi responden terhadap kandungan pembelajaran dalam aplikasi *android* terdiri daripada 11 item. Jadual 4 membentangkan item-item tersebut dengan ringkasan jawapan responden:

Jadual 5
Kandungan Pembelajaran Aplikasi Android

	Item	Kategori Jawapan					Purata	STD
		STS	TS	N	S	SS		
1	Saya tidak dapat menyebut huruf-huruf dengan betul ketika membaca Surah Al-Fatihah.	43 18.5%	92 39.5%	59 25.3%	35 15%	4 1.7%	2.421	1.101
2	Saya menghadapi kesukaran untuk memahami beberapa kosa kata ketika membaca Surah Al-Fatihah.	26 11.2%	85 36.5%	55 23.6%	61 26.2%	6 2.6%	2.726	1.051
3	Saya menghadapi kesulitan dalam memahami pemahaman yang mendalam untuk tujuan ayat-ayat dalam Surah Al-Fatihah.	11 4.7%	48 20.6%	57 24.5%	92 39.5%	25 10.7%	3.313	1.062
4	Saya perlu mempelajari sebutan yang betul untuk huruf dalam setiap perkataan	10 4.3%	12 5.2%	37 15.9%	109 46.8%	65 27.9%	3.895	1.019
5	Adalah lebih penting bagi saya untuk mempelajari makna perkataan berbanding sebutan.	25 10.7%	82 35.2%	72 30.9%	38 16.3%	16 6.9%	2.736	1.073
6	Saya lebih suka memberi tumpuan kepada makna perkataan satu persatu berbanding makna umum Surah Al-Fatihah.	9 3.9%	55 23.6%	94 40.3%	56 24%	19 8.2%	3.098	0.976

7	Contoh-contoh umum akan membantu saya mempelajari maksud Surah Al-Fatihah.	2 0.9%	6 2.6%	42 18%	136 58.4%	47 20.2%	3.945	0.749
8	Saya ingin menjawab ujian akhir pembelajaran selepas menamatkan proses pembelajaran dalam aplikasi ini.	3 1.3%	10 4.3%	49 21%	118 50.6%	53 22.7%	3.895	0.846
9	Saya lebih suka ketersediaan pautan sokongan dalam aplikasi untuk makna perkataan.	3 1.3%	3 1.3%	58 24.9%	126 54.1%	43 18.5%	3.876	0.766
10	Saya ingin mengadakan aktiviti sokongan dalam aplikasi untuk meningkatkan pemahaman saya tentang makna perkataan.	3 1.3%	1 0.4%	36 15.5%	140 60.1%	53 22.7%	4.035	0.718
11	Saya ingin menjawab soalan dalam aplikasi untuk menguji pemahaman saya tentang makna perkataan.	4 1.7%	4 1.7%	35 15%	126 54.1%	64 27.5%	4.043	0.805

Terdapat perkaitan antara item 1 dan item 4 dari iaitu dari segi sebutan huruf. Item 1 menilai persepsi responden terhadap ketidakupayaan mereka menyebut huruf dengan betul semasa membaca Surah Al-Fatihah. Majoriti responden menyatakan tidak setuju dengan pernyataan ini dengan memilih sama ada tidak setuju atau sangat tidak setuju terhadap jawapan mereka (58.0%), manakala peratusan paling sedikit yang dicatatkan bagi item ini adalah setuju dan sangat setuju (16.7%). Ini menunjukkan bahawa responden tidak menghadapi masalah untuk menyebut huruf dalam Surah Al-Fatihah dengan betul. Walau bagaimanapun, item 4, yang mengenal pasti persepsi responden terhadap keperluan mempelajari sebutan yang betul bagi huruf dalam setiap perkataan, menunjukkan majoriti responden (74.7%) bersetuju bahawa mereka perlu mempelajari sebutan yang betul bagi huruf dalam setiap perkataan dan hanya 9.5% daripada responden sangat tidak setuju dan tidak setuju. Trend ini menunjukkan bahawa responden pada umumnya melihat diri mereka boleh menyebut huruf dengan betul ketika membaca Surah Al-Fatihah, tetapi masih berpandangan bahawa mereka perlu mempelajari sebutan yang betul untuk huruf dalam setiap perkataan.

Sementara itu, item kedua pula menilai kesukaran responden memahami beberapa kosa kata ketika membaca Surah Al-Fatihah. Hampir separuh daripada responden (47.7%), tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini, manakala 28.8% setuju dan sangat setuju dan selebihnya (23.6%) adalah neutral. Ini memberi petanda bahawa kesukaran yang dihadapi oleh responden dalam memahami beberapa kosa kata ketika membaca Surah Al-Fatihah adalah terhad.

Mengenai item 3 iaitu kesukaran yang dihadapi oleh responden dalam pemahaman yang mendalam bagi ayat-ayat dalam Surah Al-Fatihah, peratusan tertinggi jawapan yang direkodkan ialah setuju (sangat setuju dan setuju), dengan jumlah lebih sedikit daripada separuh responden (50.2%) , diikuti dengan tidak setuju (sangat tidak setuju dan tidak setuju) (25.3%), dan neutral (24.5%). Ini menyimpulkan tahap kesukaran yang ketara yang dihadapi oleh responden untuk memahami tujuan ayat secara mendalam.

